

Nelayan lega

Harap ESH nelayan sampai kepada golongan sasar

KUALA TERENGGANU

Persatuan Nelayan Negeri Terengganu (Penentu) menyambut baik usaha kerajaan mengekalkan Elaun Sara Hidup (ESH) bagi membantu golongan nelayan di negara ini.

Pengerusinya, Mat Yassin Mohamed berkata, walaupun ia menggunakan mekanisme lain, bukan lagi secara tunai, ia diharap sampai kepada golongan sasar yang memerlukan bantuan itu.

"Ini adalah berita gembira yang ditunggu-tunggu oleh golongan nelayan dan kita harap kerajaan dapat merealisasikan apa yang diperkatakan itu.

"Sebagai badan bukan kerajaan (NGO) kita hanya mengharapkan yang terbaik untuk nelayan. Jadi, kita akan tunggu pelaksanaannya pada Januari 2019 nanti," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Bagaimanapun, Mat Yassin berkata, beliau berharap syarat ditetapkan dalam proses pemutihan melibatkan individu



MAT YASSIN

yang menerima bantuan itu mendapat kelonggaran.

"Proses pemutihan itu bagus, namun, ia tidak boleh dibuat secara drastik. Sebagai nelayan, kita tak boleh isytihar kerja seperti 'punch card'. Tiada istilah itu bagi nelayan kerana kerja ini bergantung pada keadaan cuaca.

"Macam nelayan tradisional, syarat terbaharu perlu isytihar pendaratan ikan sebanyak 120 hari dalam setahun bagi melayakkan mendapat bantuan itu, ia agak menekan golongan itu kerana musim sekarang (tengkujuh) ada yang tidak dapat kelaut tiga hingga empat bulan," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, pemutihan terhadap kumpulan

JANGAN
PINGGIR
NELAYAN

LAPORAN KIASA Belanjawan

Muka depan Sinar Harian 31 Oktober lalu melaporkan rintihan nelayan.

Muka depan Sinar Harian 31 Oktober lalu melaporkan rintihan nelayan.

yang layak menerima bantuan itu telah lama dilaksanakan sebanyak satu tahun bagi mengenal pasti nelayan yang benar-benar layak menerima bantuan itu.

"Kita sentiasa membuat proses pemutihan bagi mengenal pasti nelayan itu ke laut atau tidak dan proses itu sentiasa berjalan bagi memastikan bantuan itu sampai kepada golongan yang benar-benar layak.

"Sekiranya ada yang kata bantuan ESH sebelum ini sampai kepada bukan golongan sasar, saya boleh kata, itu bukan berlaku di Terengganu dan mungkin hanya melibatkan 1 peratus

sahaja," katanya.

Terdahulu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menerusi Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, kerajaan akan meneruskan pemberian elauan sara hidup nelayan, namun menggunakan mekanisme berbeza iaitu melalui kad pintar.

Katanya, kaedah terbaharu itu bagi memastikan bantuan itu dapat dinikmati secara terus.

Bantuan itu akan membabitkan kira-kira 40,000 nelayan yang hanya terdiri daripada kumpulan sasar selepas proses pemutihan dilaksanakan.